



SUARA PERSATUAN PEGAWAI SYARIAH MALAYSIA

..Suara PPSM Keluaran ke 4/2004.. Edisi Percuma (untuk ahli sahaja)..

PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI SYARIAH MALAYSIA



Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana Persidangan Tahunan Pegawai Syariah di Ipoh Perak pada 23-25 Ogos 2004 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Persatuan Pegawai Syariah Malaysia [PPSM] ingin merakamkan sekalung tahniah kepada JKSM dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak selaku tuan rumah kerana telah menganjurkan Persidangan pada tahun ini dengan cemerlang sekali.

Tahniah juga diucapkan kepada barisan Exco PPSM yang baru kerana telah mendapat kepercayaan untuk menerajui persatuan bagi sesi 2004/2006. Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada bekas exco PPSM 2003/2004 kerana telah berjaya memartabatkan Persatuan ke arah yang lebih cemerlang. Semoga PPSM akan lebih efektif lagi pada masa akan datang dan menjadi harapan kita semua agar segala program yang telah disusun dan dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Inshaallah.

Semoga kita akan dapat bertemu dan berkumpul kembali di Persidangan Tahunan Pegawai Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah pada tahun hadapan.

Akhir kata, PPSM ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan **SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN AL-MUBARAK**. Semoga kita akan mendapat keberkatan dan hidayah di bulan yang mulia ini.

RESOLUSI PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI SYARIAH

TEMA PERSIDANGAN "SYARIAH MEMELIHARA HAQ AL- UMMAH"

HAK PENGHUTANG PENGHAKIMAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG ISLAM

1. Jaminan merupakan sesuatu yang tidak bertentangan dengan hukum syarak
2. Hutang masih perlu dibayar walaupun seseorang itu telah diisytiharkan muflis.
3. Mewujudkan hubungan dua hala di antara JKSM dengan institusi yang berautoriti seperti pusat zakat & bank adalah perlu bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pemiutang dalam menjalankan haknya kembali.

HAK DARI PERSPEKTIF ISLAM

4. Sesuatu hak tidak boleh dilaksanakan atau digugurkan selagi mana ia belum menjadi haknya.
5. Pihak-pihak yang terlibat dengan undang-undang seperti peguam, pendakwa, hakim perlu terlebih dahulu mengenalpasti kesesuaian jenis-jenis hak yang dituntut sama ada selari dengan hukum syarak atau sebaliknya.

HAK PIHAK-PIHAK MENGIKUT AQAD-AQAD MUAMALAT

6. Islam sentiasa memelihara hak-hak semua pihak yang terlibat dalam majlis aqad.
7. Anjakan paradigma Pegawai Syariah hendaklah diubah agar lebih luas, termasuk undang-undang muamalat bagi memenuhi tuntutan semasa & keperluan akan datang.
8. Kepentingan ijtihad dalam memenuhi kehendak semasa & amalkan sikap terbuka di dalam menerima sebarang kritikan.

Perutusan

Presiden PPSM
Tuan Haji Abdul Walid bin Abu Hassan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SW.T. di atas taufik dan limpah kurniaNya. Terima kasih diucapkan kepada ahli-ahli PPSM kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui persatuan bagi sesi 2004/2006 ini.

PPSM merupakan salah satu wadah bagi Pegawai Syariah berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman dan bertukar-tukar pendapat bagi mempertingkatkan diri dan membaiki kelemahan sama ada kita sedari atau sebaliknya untuk memartabatkan kehakiman dan perundangan Islam khususnya Mahkamah Syariah.

Pelbagai aktiviti telah disusun dan dirancang bagi mencapai matlamat, visi dan misi persatuan. Saya amat mengharapkan sokongan dan kerjasama dari tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan segala program dan aktiviti yang telah di atur agar ianya dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Akhir kata saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada seluruh Pegawai Syariah kerana telah berusaha meletakkan persatuan ini ditempat yang sepatutnya. Tidak lupa juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Exco PPSM 2003/2004 yang telah menyumbangkan tenaga untuk menjayakan misi dan visi PPSM.

Sekian, wassallam.

"SELAMAT BERPUASA"

PERLANTIKAN BIRO

PRESIDEN: TUAN HJ.ABDUL WALID B. ABU HASSAN

NAIB PRESIDEN I: TUAN HJ. YUSOF B. MUSA

NAIB PRESIDEN I: TUAN ABU BAKAR B. DAUD

N. PRESIDEN II: PUAN NOOR HADINA BT. AHMAD ZABIDI

SETIAUSAHA: TUAN MOHD ZAMRI B. ROSLAN

PEN. S/USAHA I: CIK SOFIAN BT. AHMAD

PEN. S/USAHA II: PUAN MAZLINA HUSSAIN

BENDAHARI: CIK NOOR HUDA BT. ROSLAN

PEN. BENDAHARI: PUAN YUHANIS BT. YUSOP

KETUA SEKRETARIAT: TUAN ADAM TUMIRAN

KETUA BIRO HAL EHWAL NGO: PUAN NOOR HADINA AHMAD ZABIDI

KETUA BIRO MULTIMEDIA & KOMUNIKASI: TUAN ABU BAKAR B. DAUD

KETUA BIRO EKONOMI & PELAJARAN: TUAN MOHD SHAKIR B. ABD. HAMID

KETUA BIRO KEBAJIKAN: TUAN ADIB B. HUSSAIN

KETUA BIRO SUKAN & REKREASI: TUAN BRAHIM B. DERIS

KETUA BIRO TUGAS-TUGAS KHAS: TUAN MUHD AZHARI B. ABD. RAHMAN

KETUA BIRO HAWA: CIK NENNEY SHUHAI DAH BT. SHAM-SUDDIN

SENARAI EXCO Sesi 2004/2006

Presiden	: Tuan Hj. Abdul Walid b. Abu Hassan
Timb. Presiden	: Tuan Hj. Yusof b. Musa
Naib Presiden I	: Tuan Abu Bakar b. Daud
Naib Presiden II	: Pn. Noor Hadina bt Ahmad Zabidi
Setiausaha	: Tuan Mohd. Zamri b. Roslan
Pen. Setiausaha I	: Cik Sofian bt. Ahmad
Pen Setiausaha II	: Puan Mazlina bt. Hussain
Bendahari	: Cik Noor Huda bt. Roslan
Pen. Bendahari	: Puan Yuhanis bt. Yusop
AJK	: Tuan Brahim b. Deris
	: Tuan Adam b. Tumiran
	: Tuan Mohd. Adib b. Hussain
	: Tuan Mohd Shakir b. Abd. Hamid
	: Tuan Abd. Rahman b. Yunos
	: Tuan Muhd Azhari b. Abdul Rahman
	: Cik Nenny Shuhaidah bt. Shamsuddin
Pemeriksa Kira-kira	: Tuan Mohd Shukor b. Shabudin
	: Tuan Mohd Rizdwan b. Ghazali



Tiada dalam gambar: Tn. Abd. Rahman Yunos, Pn. Yuhanis bt. Yusop & Cik Sofian Ahmad

BLUE PRINT PERSATUAN PEGAWAI SYARIAH MALAYSIA SESI 2004/2006

AKTIVITI	TARIKH	KETUA PROGRAM
Seminar Faraid untuk Peguam Syarie	Disember 2004	Tuan Mohd Shakir Abdul Hamid
Kempen Derma Darah	Februari 2005	Tuan Adam Tumiran & Tuan Adib
Seminar Undang-undang Keluarga Untuk Ngo	Mei 2005	Pn. NoorHadina & Cik Nenny Shuhai-
Sukan Tahunan PPSM	November 2005	Tuan Brahim Deris
Kunjungan Hormat YAB PM		Tuan Mohd Azhari Abdul Rahman
Projek Sosial Dengan Sekolah		Tuan Abu Bakar & Tuan Abd. Rahman
Penerbitan Suara PPSM	Dua bulan sekali	Penolong-penolong Setiausaha
Pengedaran dan Penjualan Arahan Amalan & Jurnal Hukum		Bendahari / Penolong Bendahari
XPDC mendaki Gunung Kinabalu semasa Persidangan Tahunan Pegawai Syariah	Ogos 2005	Tuan Brahim Deris

Sekiranya anda ada sebarang cadangan tambahan tentang aktiviti Persatuan, mohon kerjasama tuan-tuan dan puan-puan untuk menghantar cadangan atau komen tersebut di syariah yahoo group untuk tindakan Presiden.

info

TAHNIAH & SELAMAT PENGANTIN BARU" diucapkan kepada:-

***Tuan Abdul Ghani b. Keflie**
[Timb. Pendaftar Mal, JKSM]

***Tuan Azmi b. Aziz**
[Pegawai Sulh Selangor]

***Puan Shazlina bt. Ali**
[Pegawai Syariah, BBG Penang]

Yang telah melangsungkan perkahwinan dengan pasangan masing-masing pada bulan Ogos yang lalu. Semoga berbahagia hingga ke akhir hayat

Takziah di atas kematian ibu kepada Exco PPSM Tn. Hj. Abdul Rahman Yunos pada 17 Sept. 2004. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Al-Fatihah.

IKLAN

KHAIRAT KEMATIAN MELALUI TAKAFUL NASIONAL

Sebagai satu usaha untuk menjaga kebajikan ahli-ahli PPSM, adalah dicadangkan supaya semua ahli menyertai Takaful Berkelompok Khairat Kematian bagi setiap keluarga ahli sebanyak RM 15.00 setahun bagi satu keluarga. TN akan membayar wang khairat sebanyak RM1000.00 bagi kematian ahli atau suami/isteri atau anak-anak. Bayaran akan dibuat dalam masa 24 jam. Jika wang ini tidak dapat dikeluarkan dalam masa tersebut, PPSM akan mendahulukannya.

SELAMAT MAJU JAYA diucapkan kepada Pegawai Syariah yang telah menduduki PTK I dan PTK II pada bulan September yang lalu.

TAHNIAH diucapkan kepada

*Tuan Ahmad Irwan b. Ismail

*Tuan Amran Mohd Zain

*Puan Maimon Mohd

kerana telah dikurniakan cahayamata